# PEJABAT
# PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU,

TINGKAT 11, WISMA DARUL IMAN,
20200 KUALA TERENGGANU.

---

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 2/1991.**

Kawalan Di Atas Tanah-Tanah Yang Telah
Dikeluarkan Keterangan Hakmilik Bagi
Rancangan-Rancangan Felda.

Keterangan-keterangan hakmilik yang dikeluarkan kepada peserta Rancangan Felda adalah mengandungi Syarat Nyata dan Sekatan Kepentingan seperti berikut:-

Syarat Nyata:-

i) Tanah ini hendaklah ditanam dengan .........................sahaja.

ii) T anah ini hendaklah diurustadbir~~kan~~ oleh atau melalui mana-mana agensi kerajaan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Sekatan Kepentingan:-

i) Tanah ini tidak boleh dipindahmilik melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

ii) Tanah ini tidak boleh digadai melainkan dengan kebenaran Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.

iii) Tanah ini tidak boleh dimilik oleh lebih daripada seorang dan tidak boleh dipecah sempadan, pecah bahagian atau disatukan dengan tanah lain.

iv) Tanah ini tidak boleh diberi pajak, pajakan kecil atau disewa.

v) Tanah ini tidak boleh dipindahmilik berasingan daripada lot.............

2. Mana-man permohonan untuk meukar jenis tanaman, memindahmilik, menggadai, memajak, menyewa atau mencantum hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Pihak Felda yang mana telah dilantik untuk mengurustadbir tanah-tanah rancangan berkenaan.

Sekian bagi makluman dan panduan dalam menim..bngkan permohonan-permohonan yang dimaksudkan daripada peneroka-peneroka Rancangan Tanah Felda yang telah diberi keterangan hakmilik.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' NIK MOHD KHALID BIN KAMIL)
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

EDARAN:

1. Pentadbir Tanah Daerah, Besut.
2. Pentadbir Tanah Daerah, Dungun.
3. Pentadbir Tanah Daerah, Hulu Terengganu.
4. Pentadbir Tanah Daerah, Kemaman.
5. Pentadbir Tanah Daerah, Kuala Terengganu.
6. Pentadbir Tanah Daerah, Marang.
7. Pentadbir Tanah Daerah, Setiu.

s.k.

1. YB. Setiausaha Kerajaan, Terengganu.
2. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri, Terengganu.

Fail: PTG.TR. G/05/1988/06/01 - (10)
Tarikh: 31hb. Mac, 1991.
Bersamaan: 15hb. Ramadhan 1411.

**PEJABAT**
**PENGARAH TANAH DAN GALIAN,**
**TERENGGANU,**
TINGKAT 11, WISMA DARUL IMAN,
20200 KUALA TERENGGANU.

---

Pindaan Edaran Arahan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.

Kawalan Di Atas Tanah-Tanah Yang Telah
Dikeluarkan Keterangan Hakmilik Bagi
Rancangan-Rancangan Felda.

Dengan hormatnya saya merujuk kepada pekeliling mengenai perkara di atas dan membetuli tajuk edaran itu daripada perkataan Pekeliling kepada Arahan. Dengan itu edaran berkenaan adalah dipanggil Arahan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu Bil. 2/1991.

Sekian.

"BERKHIDAMT UNTUK NEGARA".

Saya yang menurut perintah,

(DATO' NIK MOHD KHALID BIN KAMIL)
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

EDARAN:

1. Pentadbior Tanah Daerah, Besut.
2. Pentadbir Tanah Daerah, Dungun.
3. Pentadbir Tanah Daerah, Hulu Terengganu.
4. Pentadbir Tanah Daerah, Kemaman.
5. Pentadbir Tanah Daerah, Kuala Terengganu.
6. Pentdbir Tanah Daerah, Marang.
7. Pentadbir Tanah Daerah, Setiu.

s.k.

1. YB. Sstiausaha Kerajaan, Terengganu.
2. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri, Terengganu.

Fail: PTG.TR. G/05/1988/06/02 -(14)
Tarikh: 3hb. April 1991.
Bersamaan: 18hb. Ramadhan 1411.